



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM PEMANTAUAN TUKUN TIRUAN RIG TO REEF

PULAU KAPAS, TERENGGANU

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menganjurkan **Program Pemantauan ke Tapak Rig to Reef di Pulau Kapas. Program ini dihadiri bersama oleh YB Timbalan Menteri 1 Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah.**
2. Program penyelidikan dan pembangunan tukun tiruan bermula pada tahun 1975 menggunakan tayar terpakai. Pada tahun 2006 DOF telah membangunkan inisiatif baharu selepas menemui kesan negatif penggunaan tayar yang dikitar semula. Hasilnya tukun tiruan konkrit yang terdiri daripada campuran simen, pasir, dan batu telah dibina. Tetulang bagi tukun ini pula menggunakan besi.
3. Pembinaan tukun tiruan di Malaysia menggunakan piawaian yang ditetapkan di dalam garis panduan United Nation Environmental Program (UNEP) iaitu "Guidelines For The Placement Of Artificial Reefs". DOF telah membangunkan 2 konsep tukun tiruan iaitu **tukun tiruan konservasi** yang bertujuan untuk pemuliharaan dan **tukun tiruan rekreasi** bagi tujuan tangkapan secara pancingan rekreasi yang terkawal.
4. DOF telah **bekerjasama dengan PETRONAS melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 4 Mei 2017 bagi tujuan pelaksanaan program pembangunan Rig to Reef.** Melalui program ini, pembangunan tukun tiruan diteruskan dengan alternatif terkini yang menggunakan pelantar minyak PETRONAS yang telah dinyahaktif.

5. Terdapat **empat (4) lokasi Rig to Reef di Malaysia** iaitu di **Kuala Baram, Sarawak (2004); Pulau Kapas, Terengganu (2017); Kuala Bakam Miri, Sarawak (2017) dan Bintulu, Sarawak (2017)** berhampiran tapak asal DANA. Tapak **Rig to Reef di Pulau Kapas, Terengganu** iaitu pelantar '**KAPAL**' dimana seberat 43 tan metrik dan satu lagi tapak yang berdekatan dengan berat 18 tan metrik.
6. **Pembinaan tukun di Pulau Kapas adalah pada 26 April dan 4 Mei 2017 dengan keseluruhan kos memotong, mengangkut dan membersihkan di tapak asal hingga melabuh di lokasi yang disyorkan DOF adalah ditanggung oleh PETRONAS.** Hasil kerjasama ini berjaya melabuhkan 2 komponen dari pelantar minyak usang yang dinyahtauliah.
7. Setahun selepas pelabuhan tukun di Pulau Kapas, kawasan tersebut telah menjadi **kawasan yang padat dengan pelbagai jenis ikan demersal** terutama ikan kunyit, ikan merah tanda dan ikan delah. Malahan terdapat ikan pari dan terumbu karang yang boleh dilihat. Hasil selaman skuba **2019 pula mendapati 25 spesies ikan direkodkan pada tapak tukun seberat 43 tan. 16 spesies ikan komersial dan 9 spesies ikan batu karang ditemui.** Spesies yang paling dominan adalah ikan kunyit (*Lutjanus lutjanus*), kunyit madras (*Lutjanus madras*) dan sulit jalur emas (*Pterocaesio chrysozona*).
8. Hasil pemantauan di **tapak tukun 18 tan merekodkan sebanyak 14 spesies ikan yang terdiri daripada 11 spesies ikan demersal dan 3 spesies ikan batu karang dengan anggaran biomas sebanyak 411kg bersamaan RM4,321.**
9. **Pembangunan Rig To Reef yang dijalankan oleh DOF telah membuktikan potensi dan keberkesanan tukun ini dalam membantu menyumbang kepada pemuliharaan habitat laut.** Malahan ia juga **membantu meningkatkan sumber marin dan perikanan negara.** DOF berharap agar **usaha dan kerjasama seperti ini akan diteruskan bersama badan-badan korporat lain khususnya dalam usaha pemuliharaan dan konservasi sumber marin.**

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

7 Mac 2021 (Ahad) jam 8.30 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my